Ahli Kumpulan UEM

# KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA 7 NOVEMBER 2023

## PLUS KELUARKAN JADUAL TTA UNTUK PENGGUNA RANCANG PERJALANAN SEMPENA PERAYAAN DEEPAVALI

**Petaling Jaya, 7 November 2023:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) mengeluarkan jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) untuk perjalanan Balik Kampung dan Kembali ke Lembah Klang sempena perayaan Deepavali di Lebuhraya Utara-Selatan pada 10 November hingga 14 November 2023. Jadual TTA tersebut boleh diperolehi menerusi laman web PLUS di www.plus.com.my serta laman media sosial PLUS Malaysia.


Cadangan Waktu Perjalanan
DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN
SEMPENA CUTI PERAYAAN HARI DEEPAVALI

| TARIKH | PERJALANAN: DARI | PERJALANAN: KE | CADANGAN WAKTU MEMASUKI LEBUHRAYA |
|---|---|---|---|
| 10 - 11 November 2023 (Jumaat - Sabtu) | Lembah Klang | Utara<br>Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Perak Utara | Antara 8:00 pagi - 11:00 pagi |
| | | Perak Tengah (Slim River - Sungkai) | Antara 4:00 petang - 7:00 malam |
| | | Selatan<br>Johor & Melaka Selatan (Ayer Keroh & Jasin) | Antara 10:00 pagi - 1:00 petang |
| | | Negeri Sembilan & Melaka (Simpang Ampat) | Antara 1:00 petang - 4:00 petang |
| | Bebas | | Selepas 10:00 malam |
| 12 - 14 November 2023 (Ahad - Selasa) | Utara<br>Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Perak Utara | Lembah Klang | Antara 10:00 pagi - 1:00 petang |
| | Perak Tengah (Slim River - Sungkai) | | |
| | Selatan<br>Johor & Melaka Selatan (Ayer Keroh & Jasin) | | Antara 8:00 pagi - 11:00 pagi |
| | Negeri Sembilan & Melaka (Simpang Ampat) | | |
| | Bebas | | Selepas 10:00 malam |



Ia dikeluarkan bagi membolehkan pengguna merancang perjalanan mereka di samping membolehkan PLUS mengagihkan trafik dan mengelakkan kenderaan tertumpu di satu-satu

lokasi di lebuh raya secara serentak. Namun begitu, kelancaran perjalanan trafik turut bergantung kepada kejadian-kejadian luar jangka seperti kemalangan dan sebagainya yang boleh mengganggu perjalanan di lebuh raya.

Oleh itu, PLUS menasihatkan orang ramai supaya menyusun jadual perjalanan mereka berdasarkan TTA yang dikeluarkan bukan sahaja bagi perjalanan keluar dari Lembah Klang untuk Balik Kampung tetapi juga bagi perjalanan kembali semula ke Lembah Klang selepas bercuti.

Pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi X @PLUSTrafik, Aplikasi PLUS, Chatbot PUTRI, papan tanda elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih serta mengikuti laporan trafik terkini menerusi siaran-siaran radio utama negara.

Pada masa yang sama, PLUS juga akan memperkenalkan pendekatan terbaharu secara digital iaitu Program Rintis My-TTA yang menggunakan Aplikasi PLUS bagi membantu orang ramai merancang perjalanan sempena perayaan Deepavali dalam masa terdekat.

PLUS menjangka sebanyak 2 juta kenderaan sehari bakal menggunakan Lebuhraya PLUS pada Hari-hari Puncak sempena perayaan Deepavali yang akan datang. Oleh itu, sila rancang perjalanan anda dengan mengikuti jadual TTA seperti yang disarankan.

-TAMAT-

Ahli Kumpulan UEM

# KENYATAAN MEDIA

IMMEDIATE RELEASE 7 NOVEMBER 2023

## PLUS RELEASES TTA SCHEDULE FOR HIGHWAY USERS TO PLAN THEIR JOURNEYS DURING DEEPAVALI FESTIVE SEASON

**Petaling Jaya, 7 November 2023:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) has released its Travel Time Advisory (TTA) schedule for the upcoming Deepavali celebration on the North-South Expressway from November 10th to November 14th, 2023. The TTA schedule can be obtained from the PLUS website at www.plus.com.my, as well as PLUS Malaysia's social media platforms.




| DATE | JOURNEY FROM | JOURNEY TO | SUGGESTED HIGHWAY JOURNEY START TIME |
|---|---|---|---|
| 10 - 11 November 2023 (Friday - Saturday) | Klang Valley | North Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Perak North | Between 8:00 am - 11:00 am |
| | | Perak Central (Slim River - Sungkai) | Between 4:00 pm - 7:00 pm |
| | | South Johor & Melaka South (Ayer Keroh & Jasin) | Between 10:00 am - 1:00 pm |
| | | Negeri Sembilan & Melaka (Simpang Ampat) | Between 1:00 pm - 4:00 pm |
| | Others | | After 10:00 pm |
| 12 - 14 November 2023 (Sunday - Tuesday) | North Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Perak North | Klang Valley | Between 10:00 am - 1:00 pm |
| | Perak Central (Slim River - Sungkai) | | |
| | South Johor & Melaka South (Ayer Keroh & Jasin) | | Between 8:00 am - 11:00 am |
| | Negeri Sembilan & Melaka (Simpang Ampat) | | |
| | Others | | After 10:00 pm |

This schedule is provided to assist highway users to plan their journeys and enable PLUS to distribute traffic more evenly, preventing vehicles from converging at critical locations on the highway simultaneously. However, traffic flow also depends on unforeseen events such as accidents and other factors that may disrupt travel on the highway.

Therefore, PLUS advises highway users to plan their journey ahead based on the TTA, not only for outbound journeys from the Klang Valley for Balik Kampung tradition but also for the inbound journey when they return to the Klang Valley after the holiday period.

Highway users can also obtain real-time traffic information through X @PLUSTrafik, PLUS App, PUTRI Chatbot, electronic signboards (VMS) at selected locations, and by following traffic reports through the country's major radio broadcasts.

At the same time, PLUS is also introducing a new and digital approach, the My-TTA Public Pilot via the PLUS App to help the public plan their journeys during the upcoming Deepavali celebration.

PLUS is expecting approximately 2 million vehicles per day to travel on its highways during the Peak Days of the upcoming Deepavali celebration. Therefore, it's essential to plan your journey by following the suggested TTA schedule.

-END-